



جَابَاتِن مُفْتِي نَغَرِي سِلَانْغُور

WARTA KERAJAAN

Sel. P.U. 8.

13 Syawal 1445/
22 April 2024

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

Fatwa di bawah Seksyen 47

Menurut subseksyen 47 dan subseksyen 48(6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen No. 1 tahun 2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual

HUKUM BERURUS NIAGA BERSAMA SYARIKAT YANG DITUBUHKAN BAGI TUJUAN ATAU MELAKUKAN TRANSAKSI UNTUK PENGUKUHAN KEPERCAYAAN SELAIN AKIDAH ISLAM

1. Islam pada asasnya mengharuskan mengurus niaga dengan orang bukan Islam selagi mana ia tidak melibatkan perkara-perkara yang ditegah dan diharamkan oleh Islam. Penggunaan kaedah pemasaran jualan langsung secara *Multi-Level Marketing* (MLM) juga diharuskan sekiranya tidak mengandungi unsur-unsur penipuan dan *gharar*.
2. Sesuatu perniagaan yang sah dari segi akad boleh menjadi haram disebabkan faktor luaran seperti jual beli yang membawa kepada kemungkaran dan kemaksiatan.



جَابِتَن مُفْتِي نِغَرِي سِلَانْغُور

WARTA KERAJAAN

**HUKUM BERURUS NIAGA BERSAMA SYARIKAT YANG DITUBUHKAN BAGI
TUJUAN ATAU MELAKUKAN TRANSAKSI UNTUK PENGUKUHAN
KEPERCAYAAN SELAIN AKIDAH ISLAM**

3. Hukum berurus niaga dengan mana-mana syarikat yang—
- ditubuhkan bagi tujuan—; atau
 - melakukan apa-apa transaksi secara langsung kepada—
- pengukuhan kepercayaan selain daripada akidah Islam atau penyebaran agama bukan Islam dalam kalangan umat Islam adalah dilarang dan tidak diharuskan.

Bertarikh 5 April 2024

[MAIS/BUU/600-6/1/35; P.U. Sel (ADV) PS. 05/4/12]

Dengan Titah Perintah

DATO' SETIA PROF. MADYA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor